

## **KONTRAK SHARIAH AL-TAWARRUQ: KONSEP DAN APLIKASINYA DALAM PRODUK PERBANKAN ISLAM**

*Nor Fadilah Bahari*  
*Nuzul Akhtar Baharudin*  
Fakulti Pengurusan Dan Muamalah(FPM)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Sri Putra 43000 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
[norfadilah@kuis.edu.my](mailto:norfadilah@kuis.edu.my)  
[nuzulakhtar@kuis.edu.my](mailto:nuzulakhtar@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Bay al tawarruq merupakan salah satu kontrak shariah yang kian popular dan merupakan bentuk pembiayaan moden yang diaplikasikan oleh Institusi Kewangan Islam samada di Malaysia mahupun negara luar pada masa kini. Di negara timur tengah konsep ini telah diaplikasikan dalam pelbagai bentuk pembiayaan manakala di Malaysia, konsep tawarruq kian diperluaskan penggunaannya dalam produk deposit dan produk pembiayaan seperti kad kredit, pembiayaan perumahan, urusaniaga komoditi dan penerbitan bon. Disebalik kepelbagaian produk dalam perbankan Islam, konsep pembiayaan berasaskan tawarruq juga tidak terlepas daripada pelbagai isu dan perbezaan pandangan daripada ilmuan islam sepertimana perlaksanaan prinsip shariah bai al inah dalam produk perbankan islam. Kajian ini bertujuan untuk melihat kajian lepas dan pandangan ulama akan prinsip tawarruq serta aplikasinya dalam produk perbankan islam. Selain itu, perbandingan diantara kontrak tawarruq dan kontrak shariah Bai al inah turut dibincangkan dalam kertas kajian ini. Kehadiran kepelbagaian prinsip-prinsip shariah ini dilihat mampu meluaskan keupayaan perbankan islam untuk menguasai pasaran dan bersaing dengan produk perbankan konvensional masa kini.*

***Kata kunci:*** Tawarruq, Bay al inah, Murabahah.

---

### **1.0 Pengenalan**

Perbankan Islam di Malaysia dilihat berkembang pesat seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai *Islamic hub* dirantau Asia. Pertumbuhan yang pesat institusi kewangan Islam diseluruh dunia menuntut institusi kewangan untuk bertindak lebih efisien dan proaktif dalam memperkenalkan produk- produk perbankan berlandaskan shariah. Kewangan Islam merupakan institusi dimana menjadikan perundangan Islam sebagai dasar dalam melaksanakan sistem kewangan didalam negara. Bank Islam pertama yang diwujudkan di Malaysia adalah pada 1983 apabila tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad(BIMB) dan Bank Muamalah Malaysia Berhad pada tahun 1999 berikutnya. Institusi Perbankan Islam bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan seperti mana perbankan konvensional tetapi aktiviti dan pembiayaan yang ditawarkan berlandaskan prinsip dan hukum Islam. Sumber dan aktiviti yang dilaksanakan tidak melibatkan unsur - unsur yang nyata dilarang dalam *Al Quran* seperti *riba*, *maysir*, *gharar* dan aktiviti-aktivit yang haram. Ini yang membezakan

perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Jika dilihat pada hari ini seluruh dunia memperkatakan soal kewangan Islam dan membincangkan pelbagai produk perbankan Islam yang boleh diaplikasi dalam memberi perkhidmatan dan produk yang terbaik kepada pengguna. Ini membuktikan terdapat keistimewaan dan perbezaan yang tersendiri terhadap perbankan Islam berbanding konsep perbankan konvensional.

Terdapat pelbagai produk perbankan yang digunakan dan ditawarkan oleh institusi kewangan Islam pada hari ini kepada pelanggan antaranya kontrak perkongsian seperti *mudharabah* dan *musyarakah* manakala produk pembiayaan seperti kontrak *ijarah*, *bai bithaman ajil*, *murabaha*, *bay al inah*, *tawarruq* serta kontrak-kontrak lain. Namun terdapat juga beberapa perbezaan pandangan dan kritikan terhadap beberapa konsep syariah yang digunakan. Bagi mengurangkan kritikan dan perbezaan pandangan, beberapa konsep Syariah telah diperkenalkan pada hari ini seperti kontrak *musyarakah mutanaqisah* yang diaplikasikan dalam pembiayaan perumahan yang dahulunya mengaplikasikan pembiayaan berteraskan *bay bithaman ajil* dan konsep *tawarruq* dalam pembiayaan peribadi dan keperluan kecairan menggantikan kontrak *bay al inah*. Kajian ini bertujuan untuk melihat secara lebih mendalam akan prinsip dan aplikasi *tawarruq* yang mana masih baru digunakan oleh institusi kewangan di Malaysia dalam memberikan tunai atau keperluan kecairan kepada pengguna. *Tawarruq* juga dikenali sebagai komoditi murabahah dan kian digunakan secara meluas oleh Institusi Kewangan Islam seluruh dunia dalam pelbagai produk seperti instrumen kecairan/ tunai, instrumen pembiayaan dan penerbitan sukuk.

Manakala *bay al inah* adalah antara konsep Syariah yang masih terdapat ruang perbincangan sehingga hari ini tentang keharusannya. Ia biasanya digunakan oleh sesetengah institusi perbankan Islam di Malaysia sebagai kontrak asas dalam menyediakan pembiayaan peribadi dan penawaran kad kredit kepada pelanggan. Namun begitu terdapat beberapa pandangan dan hujah yang jelas akan wujudnya *riba* didalam produk *bay al inah*, maka konsep *tawarruq* diperkenalkan sebagai ganti kepada produk *bay al inah*. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat dengan lebih jelas maksud, pandangan ulama dan aplikasinya dalam produk perbankan Islam. Kajian ini juga melihat persamaan dan perbezaan konsep *tawarruq* dan *bay al inah*.

## **2.0 Maksud dan konsep**

Dari sudut bahasa, *tawarruq* dikatakan berasal dari perkataan Arab iaitu *warq* atau *wariq* atau *waraqah*, yang bermaksud wang perak, dirham atau logam perak. *Tawarruq* digunakan oleh generasi terdahulu untuk mendapatkan perak atau dirham<sup>1</sup>. Perkataan *al-wariq* telah digunakan dalam Al-Quran surah Al Kahfi, 18:19 yang mana bermaksud “ maka utuslah salah seorang daripada kamu pergi ke kota dengan wang perakmu (*wariq*) ini. Manakala perkataan *tawarruq* pula bermaksud meminta wang dan ia bermaksud lebih umum iaitu meminta wang sama ada dari perak atau emas atau wang kertas. Selain itu, ia dinamakan *tawarruq* kerana ketika membeli barang tersebut secara bayaran bertangguh, pembeli tidak berniat menggunakan atau mememanfaatkannya, tetapi hanya ingin menjadikannya laluan ke arah memperoleh wang tunai. Kontrak *tawarruq* ini melibatkan dua urusan iaitu permulaannya melibatkan pembelian secara

---

<sup>1</sup> Fatwa in Islamic Finance, ISRA 2013

kredit antara pembeli dengan penjual terhadap sesuatu asset dan kemudian peringkat kedua dimana pembeli kemudiannya menjual secara tunai kepada pihak ketiga<sup>2</sup>

Secara teknikalnya OIC Fiqh Academy mendefinisikan *tawaruq* sebagai “seseorang (*mustawriq*) yang membeli barang secara pembayaran tangguh dengan tujuan menjual barang tersebut dengan harga yang rendah untuk mendapatkan tunai” . Manakala *Accounting and Auditing Organization Islamic Financial Institution Shariah Standard*(AAOIFI) memberi kesimpulan dengan mendefinisikan *tawaruq* adalah kontrak pembelian komoditi secara pembayaran tangguh samada melalui jualan terus atau kontrak muarabahah. Komoditi tersebut kemudiannya dijual semula secara tunai kepada pihak lain selain penjual asal (original sellers). Manakala *Fiqh Encyclopedia of Kuwait* turut memberikan maksud yang sama.

Zaharuddin Ab Rahman (2010) menerangkan beberapa objektif konsep *tawarruq*/ komoditi murabahah diguna pakai dalam perbankan Islam iaitu untuk menyediakan pembiayaan untuk mendapatkan tunai atau kecairan kepada pelanggan dengan lebih efektif, menawarkan instrument pendapatan tetap kepada pengguna dan mempelbagaikan produk pembiayaan berteraskan patuh syariah bagi menyaingi produk perbankan konvensional di pasaran. Secara praktisnya konsep *tawaruq* ini dibahagikan kepada dua jenis.

## **2.1 Jenis – Jenis Tawaruq.**

### Jenis 1 Classical Tawaruq/*Tawarruq al-Fardi*

*Tawarruq al fardi* merupakan konsep dimana pembeli pertama membeli barangan secara angsuran daripada penjual pertama dan menjualnya kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang rendah dengan tujuan untuk mendapatkan tunai dengan segera atau memenuhi keperluan kecairan. Dalam formasi sebegini, pihak ketiga tidak mempunyai kaitan langsung dengan penjual pertama. Dalam kes sedemikian, penjual barangan pertama tidak boleh dikaitkan dengan jualan tunai yang dilakukan oleh pihak pembeli barangan selepas itu. Situasi ini diistilahkan sebagai *al-tawarruq al-fardi* oleh sesetengah sarjana mualamat semasa<sup>3</sup>. Pandangan para ulama Hanafi , Syafie dan Hambali melihat transaksi *tawaruq* ini adalah sah dan berlandaskan prinsip syariah. Bentuk transaksi *tawaruq* ini juga diterima pakai oleh beberapa badan syariah seperti Syariah Supervisory Council of the AlRajhi Bank, Arab Saudi, Kuwait Finance House dan Badan syariah Malaysia sendiri dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam 2005.

### Jenis 2 Organised *Tawaruq/Tawaruq munazzam*

OIC Fiqh Academy mentakrifkan *tawaruq munazzam* adalah “seseorang pembeli(*mutawarriq*) membeli barang secara tangguh dipasaran dalam negara mahupun luar negara dan institusi kewangan bertindak menguruskan atau mengatur perjanjian samada oleh institusi kewangan itu sendiri atau melalui agen dan secara langsung diantara pembeli dan institusi kewangan pada harga yang lebih rendah. Ibraheem Musa Tijani(2013)<sup>4</sup> menyenaraikan tambahan lagi 2 jenis *tawarruq* yang juga merupakan jenis *tawarruq munazzam* iaitu *tawarruq al-masrafi* dan *reverse tawarruq*. Selain itu beliau turut membuat perbandingan diantara *tawarruq fardi* dan *tawarruq munazzam*.

<sup>2</sup> Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, BNM 2005 2<sup>nd</sup> ed.

<sup>3</sup> Asmak Ab Rahman(2010)

<sup>4</sup> Ibraheem Musa Tijani(2013) Fatwa In Islamic Finance, ISRA.

Rajah 1: Perbezaan diantara *tawarruq fardi* dan *tawarruq munazzam*

<i>Tawarruq Fardi</i> /Classical Tawarruq	<i>Tawarruq Munazzam</i> /Organized Tawarruq
Penjual( <i>muwarriq</i> ) tidak berperanan menjual semula komoditi	Penjual pertama( <i>muwarriq</i> ) bertindak sebagai wakil/agen bagi pihak pembeli dalam menjual semula barang untuk mendapatkan tunai
<i>Mutawarriq</i> (pembeli) menerima tunai secara terus daripada pembeli terakhir	<i>Mutawarriq</i> (pembeli) menerima tunai daripada penjual pertama.
Tidak wujud urusan niaga yang dirancang diantara penjual pertama dengan pembeli terakhir.	Terdapat kemungkinan bahawa penjual pertama( <i>muwarriq</i> ) dan pembeli terakhir telah membuat persepakatan antara mereka terlebih dahulu.

### 3.0 Pandangan Terhadap Konsep dan Aplikasi Tawaruq

Para ilmuan Islam terdahulu tidak secara khusus membincangkan *bay al tawarruq* tetapi ianya hanya disentuh didalam perbincangan kontrak- kontrak lain. Imam al shafie membincangkan perihal *bay al inah* namun tidak menerangkan konsep *bay al tawaruq* tetapi hanya menerangkan konsep *bay al muajjal*. Para sarjana Islam kontemporari turut membincangkan tentang *bay al tawaruq* antaranya Abdul Aziz Khayat (2006) yang membincangkan tentang definisi dan mengupas secara jelas pandangan ulama terdahulu dan ulama semasa tentang hukum *al tawarruq*. Beliau turut menyenaraikan beberapa pandangan ulama terdahulu dan ulama kontemporari yang membenarkan konsep *tawarruq* diaplikasikan antaranya As Syeikh Abdullah bin Sulaiman, Dr.Muhammad Abdul Ghafar As-syarif, Dr Muhammad Taqi Al-Usmani yang merupakan qadi di Pakistan.

Namun begitu, kontrak *tawaruq* juga timbul perbezaan pandangan dikalangan fuqaha dimana sesetengah mereka mengatakan ianya sah manakala sesetengah mengatakan konsep *tawaruq* ini tidak menepati konsep Syariah. Terdapat tiga pola penghukuman dalam iaitu:


- i. pandangan yang mengatakan transaksi *tawarruq* adalah haram kerana ia menyerupai *bay' al-'inah* yang yang dikatakan haram kerana digunakan sebagai *hilah* kepada *riba*.
- ii. pendapat yang mengatakan bahawa hukumnya adalah makruh kerana konsepnya yang hampir sama dengan *bay' al-'inah*.
- iii. pendapat yang mengatakan ia adalah diharuskan, berasaskan prinsip bahawa semua urusan niaga jual beli adalah diharuskan dan kerana terdapat perbezaan struktur yang nyata antara *al-tawarruq* dengan *bay' al-'inah*.

Asmak A.Rahmand etl (2010) turut membincangkan konsep *tawaruq* dan pandangan ulama terdahulu dan kontemporari dalam mengharuskan penggunaan konsep *tawaruq* dalam produk – produk perbankan Islam. Dilihat para ulama yang membenarkan transaksi *tawaruq* ini adalah berlandaskan ayat Al- Quran yang mana “Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan *riba*”<sup>5</sup>. Ini menunjukkan bahawa semua transaksi perdagangan adalah halal kecuali transaksi jual beli yang diklasifikasikan sebagai haram dalam Al -Quran dan hadis.

<sup>5</sup> Surah Al Baqarah,2:275

Beberapa pandangan ulama terdahulu terhadap pelaksanaan kontrak *tawarruq* diterangkan seperti rajah dibawah:

Rajah 1: Pandangan Ulama silam terhadap *Bay al Tawaruq*



- i. **Harus:** Pandangan dikemukakan oleh Abu Yusuf dari mazhab Hanafi, Imam As syafii, Imam Al-Nawawi salah satu pandangan Imam Ahmad Hanbal, Ibnu Hummam dan pengikutnya
- ii. **Makruh:** Ini merupakan pandangan mazhab Maliki dan riwayat kedua Ibnu Ahmad Ibn Hanbal
- iii. **Makruh menghampiri Haram :** Dinyatakan oleh Imam Muhammad Hasan al-Syaybani, Ibnu Taymiyyah dan Ibn Qayyim.

Manakala beberapa ulama membenarkan aplikasi *tawaruq* berdasarkan hadis Bukhari dan Muslim bersandarkan kepada suatu peristiwa pada zaman Rasulullah s.w.t apabila seorang pekebun/petani dari Kaybar datang berjumpa dengan Rasulullah s.w.t dengan membawa buah tamar yang berkualiti dan mengatakan bahawa beliau telah menukarkan 2 kilo tamar yang berkualiti rendah dengan satu kilo tamar yang tinggi kualitinya. Rasulullah s.w.t melarang transaksi tersebut dan mencadangkan bahawa seharusnya si petani menukarkan tamar yang berkualiti rendah dengan wang/dinar dan membeli tamar yang berkualiti tinggi dengan wang yang diperoleh daripada hasil jualannya tadi. Peristiwa ini menunjukkan kaedah dalam berjual beli bagi mengelakkan wujudnya unsur riba.<sup>6</sup>

Majoriti ulama silam dan kontemporari tidak mempunyai percanggahan pendapat diatas pelaksanaan *tawaruq al fardi*, namun perbezaan pandangan mula timbul dalam aplikasi *tawaruq munazzam*(organized *tawaruq*) dan *tawaruq al masrafi* (Banking *tawarruq*). Islamic Fiqh Academy menyatakan *tawaruq al fardi* adalah sah disisi Islam manakala *tawaruq munazzam* adalah tidak dibenarkan oleh syarak. Ini tidak bermaksud *tawaruq munazzam* tidak boleh digunapakai tetapi perlu sedikit penambahbaikan. Salah Al-Shalhoob menggariskan beberapa cadangan penambahbaikan dalam kontrak *tawaruq munazzam* antaranya komoditi yang dijual kepada pelanggan perlulah dimiliki sepenuhnya oleh si penjual, Institusi kewangan tidak menjadi agen kepada pembeli untuk menjual komoditi dipasaran tetapi sebaliknya dijual sendiri oleh pembeli untuk mendapatkan tunai dan institusi kewangan boleh bekerjasama dengan pelanggan dalam perniagaan untuk menjual komoditi secara tangguh atau secara tunai.

<sup>6</sup> Hosen &Amirah(2012)

Muhammad Nadratuzzaman & Amirah Ahmad (2012) mengkhususkan kajian terhadap aplikasi *tawaruq*, *bai al inah* dan *bay al dayn* di Malaysia dan Indonesia. Pengkaji turut mempunyai pandangan dan hujah yang sama dalam membicarakan pandangan ulama silam dan kontemporari berkaitan aplikasi dan hukum penggunaan konsep *tawaruq* dalam produk perbankan Islam. Mereka turut menyatakan badan shariah Indonesia tidak menggalakkan pelaksanaan kontrak *bai al inah* didalam transaksi perbankan Islam dan turut menegaskan pelaksanaan *tawaruq* boleh diaplikasikan sebagai salah satu alternatif terkini dalam produk perbankan Islam tetapi perlu menepati dan memenuhi syarat urusaniaga dan perdagangan yang dinyatakan didalam *al-quran* dan *as-sunah*.

Beberapa isu turut di utarakan oleh beberapa ulama kontemporari tentang aplikasi *tawarruq* dalam perbankan Islam. OIC Islamic Fiqh Academy mengutarakan kebimbangan jika terdapat kemungkinan asset/ komoditi dalam transaksi *tawarruq* tidak wujud. Manakala Raja Teh turut menekankan aspek pelaksanaan konsep *tawarruq* dalam perbankan islam dan pasaran berbanding membincangkan aspek keharusan atau hukum penggunaan *tawarruq*. Ini kerana majoriti badan Shariah dunia membenarkan pelaksanaan konsep *tawarruq* namun pelaksanaannya harus dititikberatkan agar tidak wujud unsur riba dan unsur yang dilarang dalam Islam<sup>7</sup>.

Islamic Fiqh Academy, yang melibatkan negara-negara Islam didalam *15<sup>th</sup> Annual Session of the Organisation of the Islamic Conference*, OIC Fiqh Academy yang diadakan di Mekah telah mengutarakan satu isu yang berkaitan dengan konsep *tawaruq* dimana kontrak *tawaruq* sah diterima pakai dengan satu keadaan atau syarat dimana si pembeli atau *mutawarriq* tidak menjual semula barang yang dibeli secara ansuran tadi kepada penjual asal (*muwarriq*) pada harga yang rendah samaada secara langsung atau tidak langsung. Jika syarat ini tidak dipatuhi kontrak atau transaksi *tawaruq* tidak sah dan dilarang. Disimpulkan bahawa *tawaruq al fardi* dibenarkan untuk diapikasi dalam institusi kewangan manakala *tawaruq munazzam* dan *tawarruq masrafi* dilarang digunakan didalam produk perbankan islam<sup>8</sup>.

Selain itu, Resolusi Syariah Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dalam mesyuarat Majlis Penasihat Shariah ke 51 telah memutuskan bahawa produk deposit, produk pembiayaan dan penerbitan sukuk yang menggunakan konsep *al tawaruq* adalah dibenarkan disebabkan oleh beberapa asas pertimbangan iaitu:

- i. Para ulama berpendapat bahawa *tawaruq* dibolehkan kerana ia merupakan diklasifikasikan sebagai kegiatan jual beli berdasarkan firman Allah didalam al Quran diamana “Allah membenarkan berjual beli dan melarang riba”.
- ii. Melalui kaedah fiqah, pandangan ulama semasa membenarkan konsep *al tawaruq* berdasarkan pandangan dikalangan mazhab hanafi, hanbali dan syafii yang mengharuskan penggunaan *al tawaruq*.

Zainor Asrah & Siti Khadijah (2012) pula berpendapat *tawarruq* merupakan konsep shariah yang berguna dalam membantu institusi perbankan Islam menawarkan pembiayaan kepada para peniaga. Modus operandi aplikasi *tawaruq* turut diperjelaskan dalam kajian ini.

Zaharudin Abd Rahman (2010) pula menggariskan beberapa isu yang dikenali dalam pelaksanaan konsep *tawaruq* dalam produk perbankan Islam yang perlu dititikberatkan antaranya isu pemilikan asset; adakah status komoditi itu dimiliki oleh penjual, tempat penghantaran komoditi yang tidak dinyatakan dengan jelas, harga komoditi dalam transaksi tidak seperti harga pasaran, penjual menjual komoditi yang sama pada ramai pembeli pada masa yang

---

<sup>7</sup> Islamic Finance News 2010

<sup>8</sup> Khan, S.H (2009)

sama dan pembeli bertindak sebagai agen kepada penjual. Manakala Abdul Ghafar Ismail(2013) pula membincangkan aplikasi *tawarruq* dalam deposit tetap rentetan daripada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang tidak membenarkan konsep *mudarabah* atau *wakalah* diaplikasikan dalam produk deposit tetap. Isu yang diutarakan oleh pengkaji adalah kewujudan kontrak *wakalah* dalam aplikasi *tawarruq* bagi produk deposit tetap.

Isu ketelusan dan logik penggunaan kontemporari *tawaruq* turut diutarakan oleh Rahail Ali(2014) akan perbezaan *tawarruq* dengan pinjaman berkadar faedah yang diaplikasikan oleh perbankan konvensional. Beliau mengutarakan pandangan akan keperluan kontrak *hiwalah* diaplikasikan dalam transaksi *tawarruq* agar aplikasi *tawarruq* dilihat lebih jelas dan logik. Walaubagaimanapun Aznan Hassan(2009) mengatakan *tawarruq* merupakan alternatif terbaik dalam memberi pembiayaan atau tunai kepada pelanggan berbanding pembiayaan berasaskan riba.

#### **4.0 Modus Operandi dan Aplikasi *Tawarruq* dalam Produk Pembiayaan Peribadi Perbankan Islam.**

Di Malaysia secara khususnya, produk pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam pada ketika ini dibangunkan berdasarkan dua konsep iaitu *bai inah* dan *tawarruq*. Bank Islam Malaysia berhad telah menggunakan konsep *tawaruq* dalam menawarkan pembiayaan peribadi dan juga pembiayaan perumahan begitu juga dengan Bank Kerjasama Rakyat. Penawaran produk berteraskan prinsip syariah *tawaruq* masih lagi diperingkat permulaan bagi bank-bank di Malaysia dan kebanyakan institusi perbankan menawarkan produk pembiayaan berteraskan konsep *bay al inah*. Manakala bagi pembiayaan perumahan majoriti institusi perbankan mengaplikasikan konsep pembiayaan *bai bithaman ajil* dan *Musharakah Mutanaqisah*. Jadual 1 disenaraikan bank-bank dan konsep syariah yang digunapakai dalam produk pembiayaan kepada pelanggan.


Jadual 1: Senarai konsep yang digunapakai oleh Bank-Bank Di Malaysia dalam produk pembiayaan.

<b>Produk Pembiayaan</b>	<b>Konsep/kontrak</b>	<b>Institusi Kewangan</b>
Pembiayaan peribadi	Bay al inah	Maybank Islamic
	Tawaruq	Affin Islamic bank
		Bank Muamalat
		Bank Islam
		RHB islamic
Kad Kredit	Tawaruq	Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat,
	ujrah	RHB islamic
Pembiayaan perumahan	tawarruq	Bank Islam
		Bank Muamalat
		Maybank Islamic
		Hong Leong Islamic

	Bai Bithaman Ajil	Ambank Islamic
		Alliance Islamic Bank
		Hong Leong Islamic
	Musharakah Mutanaqisah	Affin Islamic Bank
		Rhb Islamic Bank
	Ijarah Muntahiyah Bittamik	Cimb Islamic
Pembiayaan kenderaan	Murabahah	Bank Islam
	Ijarah Thumma al bay	Hong Leong Islamic
		RHB Islamic

#### 4.1 Modus Operandi

Rajah dibawah diterangkan modus operandi komoditi murabahah atau *tawarruq* didalam produk pembiayaan peribadi yang dilaksanakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad<sup>9</sup>.



#### Penerangan Rajah

1. Pelanggan memohon produk pembiayaan berasaskan konsep *Tawarruq* daripada Bank.
2. Bank mendapatkan dokumen transaksi *Tawarruq* daripada pelanggan.
3. Bank akan membeli komoditi di Bursa Logam London (LME) melalui Broker 1.

<sup>9</sup> www.bankislam.gov.my



4. Di bawah kontrak Murabahah, Bank kemudiannya menjual komoditi itu kepada pelanggan pada Harga Jualan Bank (Pokok + Keuntungan) berdasarkan terma pembayaran tertangguh.
5. Di bawah kontrak Wakalah, pelanggan meminta bank menjual komoditi itu di pasaran.
6. Bank bertindak sebagai ejen jualan yang dilantik untuk pelanggan dan menjual komoditi tersebut kepada Broker 2.
7. Bank kemudiannya mengkreditkan *wariq* (hasil) daripada jualan komoditi ke akaun pelanggan.
8. Akhirnya pelanggan membayar jumlah yang kena dibayar iaitu principal dan keuntungan kepada pihak bank melalui kaedah ansuran yang telah dipersetujui.

## **5.0 Persamaan dan Perbezaan konsep *Tawaruq* dan *Bay al Inah* didalam produk perbankan Islam**

### 5.1 Persamaan Konsep *Tawaruq* dan *Bai al- inah*

Kontrak *bay al inah* secara teorinya memberi maksud menjual barangan dan kemudian membeli semula barangan tersebut pada harga yang berbeza, dengan harga tertangguh yang lebih tinggi daripada harga tunai. Jika dilihat secara kasarnya, konsep *tawaruq* dan *bai al inah* mempunyai persamaan daripada aspek matlamat dan tujuan kontrak itu digunapakai. Institusi kewangan Islam menggunapakai kontrak *bai al inah* dan *tawaruq* ini bagi tujuan yang sama iaitu untuk mendapatkan tunai dan keperluan kecairan. (Nooraslinda Abdul et al., 2012)

### 5.2 Perbezaan Konsep *Tawaruq* dan *Bai al Inah*

Terdapat perbezaan diantara transaksi atau aplikasi *tawarruq* dan *bai al inah*. Perbezaan ini dinyatakan oleh Salah Al-Shalhoob dan M.Iman Sastra Minajat dimana perbezaan utama dalam kontrak *inah* adalah penjual dalam kontrak pertama merupakan pembeli dalam kontrak ke dua manakala bagi kontrak *tawaruq* penjual dalam kontrak pertama bukanlah pembeli didalam kontrak kedua. Pengkaji menegaskan bahawa perbezaan diantara kedua kontrak ini ialah apabila komoditi/ barang yang dijual beli akan dijual semula kepada penjual pertama manakala bagi konsep *tawaruq* barang /komoditi dijual kepada pihak ketiga bukan penjual pertama. Mohd Farhan(2011) menyatakan kontrak *bai al inah* dan *tawarruq* mempunyai tujuan yang sama namun perbezaannya hanya dilihat dari aspek barang yang dijual tadi tidak dikembalikan kepada pemilik asal. Perbezaan diantara konsep *tawaruq* dan *bay al inah* dijelaskan seperti Jadual 2 dibawah(Asmak, Shamsiah, & Iman, 2010).

Jadual 2: Perbandingan diantara *Bay al inah* dan *Tawaruq*

Perkara	<i>Bay al Inah</i>	<i>Tawaruq</i>
Definisi	Merujuk kepada jual beli yang berlaku diantara penjual dan pembeli dimana penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga yang tinggi dan	<i>Al tawaruq</i> adalah bentuk jualan yang melibatkan pembelian sesuatu barang secara tangguh dan kemudian barang tersebut

	dibayar secara beransur ansur. Setelah selesai jual beli pertama, penjual membeli semula asset tersebut daripada pembeli dengan harga yang lebih rendah daripada jualan yang pertama secara tunai.	dijual secara tunai dengan harga yang lebih rendah daripada harga belian yang pertama kepada pihak yang ketiga dimana pihak ketiga ini bukan penjual asal. Pelanggan ketika membeli barang ia tidak berniat untuk menggunakan atau menfaatkannya, namun hanya bertujuan untuk mendapatkan wang( <i>al wariq</i> ).
Hukum	<p>Ulama yang mengharuskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mazhab syafie</li> <li>ii. Abu yusuf</li> </ul> <p>Ulama yang tidak mengharuskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mazhab maliki</li> <li>ii. Mazhab Hanbali</li> </ul>	<p>Ulama yang mengharuskan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mazhab Maliki</li> <li>ii. Mazhab Hanbali</li> <li>iii. Abu yusuf</li> </ul> <p>Ulama yang mengatakan hukumnya makruh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Muhammad al Hassan al shaybani</li> </ul>
Pihak yang terlibat	Pihak yang terlibat hanya 2 orang	Pihak yang terlibat didalam transaksi ini lebih daripada 2 orang
BentukTransaksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bank menjual barang X kepada pembeli dengan harga tangguh.</li> <li>ii. Bank membeli semula barang tersebut dengan harga yang kurang daripada harga jualan secara tangguh</li> <li>iii. Pelanggan menerima tunai dan pelanggan akan membayar secara tangguh sehingga selesai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bank membeli barang x untuk dijual kepada pelanggan</li> <li>ii. Pelanggan membeli barang tersebut dengan harga tertentu dan meminta bank menjual balik kepada pelanggan</li> <li>iii. Bank akan menjual semula kepada pihak ketiga dengan harga tunai.</li> </ul>

## 6.0 Kesimpulan

*Bay' al-tawarruq* merupakan bentuk jual beli yang melibatkan tiga pihak atau lebih. Ia merupakan alternatif kepada *bay' al-`inah* yang banyak menimbulkan kontroversi dalam kalangan sarjana Islam terutama dari Timur Tengah. Tawaruq merupakan alternatif baru dalam

membantu Institusi Kewangan Islam dalam mempelbagaikan produk dan jenis pembiayaan kepada pengguna. Kepelbagaian produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan mampu memberi pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pembiayaan yang patuh syariah dan mampu bersaing dengan institusi kewangan konvensional yang sedia ada. Walaupun majoriti ulama dan badan syariah daripada institusi kewangan Islam di seluruh dunia telah menerima pakai kontrak *tawarruq* dalam produk perbankan Islam begitu juga Malaysia, namun aplikasi *tawarruq* terutama *tawarruq munazzam* perlu dilaksanakan dengan penuh teliti dan berhati-hati agar pelaksanaannya tidak bercanggah dengan prinsip syariah. International Council of Fiq Academy OIC juga menggalakkan institusi kewangan Islam menawarkan prinsip syariah *Qardul Hassan* (benevolent loan) kepada pengguna yang memerlukan pembiayaan atau tunai dan tidak hanya bergantung dan berpegang kepada kontrak berasaskan prinsip *tawarruq*.

## References

- Asmak, Ab Rahman, Shamsiah Mohammad & Iman Mohd Salleh. (2010). Bay ‘ al-tawarruq dan Aplikasinya dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad, *18*(2), 333–360.
- Abdul Aziz Khayat. (2006). Tawarruq ,Its Concept, Its Practices and Its Economics Implication on Its Promotion in Islamic Banks.
- Abdul Ghafar Ismail, Nik Ab Rahim & Mat Nor Mat Zain. (2013). Tawarruq Time Deposit with Wakalah Principle: An Opinion that Triggers New Issues. *IRTI Working Paper Series*.
- Bank Islam (2014). Shariah Concept on Tawarruq .Retrieved 25<sup>th</sup> April 2014 2014: <http://www.bankislam.com.my/bm/pages/ShariahConcept.aspx?tabs=3&mLink=PersonalFinancing>.
- Ibraheem Musa Tijani. (2013). A Snapshot of Tawarruq in Contemporary Islamic Finance. *Fatwa in Islamic Finance*. Bloomberg ISRA.
- Fadilah Mansor. (2004). Produk Kad Kredit dan Aplikasinya di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Jurnal Syariah*, 12:1 ,111-124.
- Khan, S.H. (2009). Why Tawarruq Needs To go; AAOIFI and the OIC Fiqh Academy: Divergents of Agreements? *Islamic Finance News*, g(35)
- Hasan, A. (2009). Why Tawarruq Needs to Stay: Strengthen the Practice, Rather Than Prohibiting it. *Islamic Finance News*, 6(37), 16-17.
- M. Imam Sastra Mihajat. The Real Tawarruq Concept. *Research Paper*.
- Mohd Farhan Ahmad & Mohd Adib Ismail. (2011). Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Satu Cadangan A New Approach in Personal Financing : A Proposal, Prosiding PERKEM VI, 2 178-183

- Muhammad Nadrattuzaman Hosen & Amirah Ahmad Nahrawi.(2012). Comparative Analysis of Islamic Banking Products Between Malaysia and Indonesia.*International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*. voll:2
- Nooraslinda Abdul, A., Othman, R., Azli, R. M., ARshad, R., Sahri, M., & Yaakub, A. R. (2012). Islamic house financing: Comparison between Bai' Bithamin Ajil (BBA) and Musharakah Mutanaqisah (MM). *African Journal of Business Management*, 6(1), 266–273. doi:10.5897/AJBM11.2042
- Nur Zuliana Os,man & Mohd Adib Ismail.(2011). Aplikasi Tambahan dalam Produk Pembiayaan Perbankan Islam-Murabahah. Prosiding PERKEM IV Jilid 2 156-170.
- Rahail Ali & Moinuddin Malim.(2014).The end of Tawarruq as we know it?.*Islamic Finance News,11.Issue 04*.
- Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam,Majlis Penasihat Syariah: Bank Negara Malaysia(2010:2011) dan 2005.
- Salah al Shalhoob. Organized Tawarruq in Islamic Law.*Resarch paper*.
- Sami Ibn Ibrahim al-Suwaylim.Tawarruq Banking Products.*Research Paper*.
- Zainor Nasrah AB Rahman & Siti Khadijah Ab Manan.(2013).Tawarruq as a Useful Instruments to Finance Retail The Halal Way.*Social and Behavioral Sciences*121(2014)281-290.
- Zaharuddin Ab Rahman.(2010).Contracts & The Products of Islamic Banking, Kuala Lumpur: CERT Publicationhlmn 167-188